EGO PEROSAK SILATURAHIM
8 Ogos 2014M / 12 Syawal 1435H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي عَلَّمَ وَأَنْعَمَ، وهَدَانَا بِالْقُرْآنِ لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ،

قَالَ تَعَالَى: يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ ٱتَّقُواْ رَبَّكُمُ ٱلَّذِى خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَٰحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَآءً ۚ وَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ ٱلَّذِى تَسَآءَلُونَ بِهِۦ وَٱلْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾

أَشْهَدُ أَنْ لاَّ إِلَهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، يَعْلَمُ خَائِنَةَ الأَعْيُنِ وَمَا تُخْفِي الصُّدُوْرِ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللهِ وَرَسُوْلُهُ، بَعَثَهُ اللهُ بِالْهُدَى وَالنُّوْرِ، صَلَّى اللهُ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنِ اقْتَفَى أَثَرُهُمْ اِلَى يَوْمِ النُّشُورِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ، أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللهِ وَطَاعَتِهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ، وَتَزَوَّدُوْا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، وَاتَّقُوا اللهَ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Laksanakan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya dan selamat di dunia serta di akhirat.

Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **“Ego Perosak Silaturahim”.**

Sidang Jemaah yang di rahmati Allah,

Islam merupakan agama yang menganjurkan hubungan persaudaraan atau silaturahim yang baik sama ada terhadap keluarga, saudara dan tetangga. Menghubung atau mengeratkan silaturrahim adalah tuntutan Islam dan memutuskannya dianggap sebagai dosa besar. Menghubungkan silaturrahim bermaksud berbuat baik kepada kaum keluarga atau kerabat, saudara dan tetangga. Iaitu dengan menyampaikan kebaikan atau manfaat, menjauhkan keburukan atau kezaliman, ziarah menziarahi, sering menanyakan keperluan, memberikan hadiah, meraikan undangan, memberikan layanan kepada tetamu, saling menghormati, menjaga maruah dan berkongsi suka duka bersama mereka.

Antara dalil berkaitan silaturahim ialah firman Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 36:

وَٱعۡبُدُواْ ٱللَّهَ وَلَا تُشۡرِكُواْ بِهِۦ شَيۡـٔٗاۖ وَبِٱلۡوَٰلِدَيۡنِ إِحۡسَٰنٗا وَبِذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَٰمَىٰ وَٱلۡمَسَٰكِينِ
وَٱلۡجَارِ ذِي ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡجَارِ ٱلۡجُنُبِ وَٱلصَّاحِبِ بِٱلۡجَنۢبِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتۡ
أَيۡمَٰنُكُمۡۗ إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُحِبُّ مَن كَانَ مُخۡتَالٗا فَخُورًا ٣٦

Bermaksud: *“Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong takbur dan membangga-banggakan diri."*

Allah SWT telah menggandingkan antara perintah bertakwa kepada Allah SWT dan tidak mensyirikkan-Nya dengan perintah berbuat kebaikan iaitu menghubungkan silaturahim sesama kaum keluarga. Ia termasuklah kedua ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga dan sebagainya. Perintah ini menjelaskan kewajipan menunaikan hak-hak Allah dan kewajipan menunaikan hak-hak sesama makhluk. Allah SWT juga mengambarkan penyebab atau perosak silaturrahim itu disebabkan sikap ego, sombong, takbur dan membangga-banggakan diri.

Sidang Jumaat yang di rahmati Allah,

Ego adalah perosak silaturahim. Ia pastinya membawa kepada sikap mementingkan diri sendiri. Ego, sombong, takbur atau membangga-banggakan diri adalah sifat mazmumah yang amat dibenci Allah SWT. Mereka yang ego akan menganggap dirinya lebih istimewa dan mulia seterusnya mementingkan diri sendiri lalu terlihatlah sifat-sifat mazmumah dalam perlakuan, percakapan dan perasaan.

Ingatlah, Ego, sombong, takbur atau membangga-banggakan diri adalah sifat iblis. Iblis telah menunjukkan keegoaannya kepada Allah SWT, tatkala enggan sujud kepada nabi Adam AS. Dia menganggap dirinya lebih hebat atau mulia kerana dijadikan daripada api berbanding Nabi Adam AS. Sikap ego Iblis ini akhirnya menyebabkan dia digolongkan sebagai kafir.

Saat ini, apa yang merisaukan kita ialah sifat ego bukan hanya dimiliki oleh mereka yang jahil, namun kadangkala dimiliki juga oleh golongan yang berilmu. Bahayanya sifat ego kerana ia adalah kunci kepada segala sifat mazmumah. Ia akan menyebabkan seorang individu itu selalu meninggikan suaranya tanpa sebab, mudah naik marah seterusnya melenting, suka bertikam lidah, merasakan pandangannya adalah yang terbaik lalu tidak mahu menerima pandangan orang lain, sukar untuk meminta maaf apabila bersalah, apabila ada yang bersalah kepadanya maka susah untuk memaafkan. Keadaan akan menjadi lebih parah jika mereka yang ego ni mempengaruhi pula individu yang lain untuk menolak dan membenci mereka yang tidak sehaluan dengannya. Ringkasnya, inilah penyebab-penyebab yang boleh memutuskan silaturrahim sama ada dalam hubungan sesama keluarga, rakan dan tetangga.

Bayangkanlah, apakah yang akan berlaku kepada umat islam keseluruhannya jika ramai di kalangan kita terdiri daripada manusia yang ego? Sanggup menyimpan dendam bertahun lamanya dan menutup sebarang pintu rundingan dan kemaafan. Sudah pastilah kesannya bukan hanya kepada keluarga, rakan dan tetangga malahan akan menyebabkan kemudaratan yang besar kepada kesatuan mahupun ukhwah di kalangan umat islam.

Sidang Jemaah yang di rahmati Allah,

Silaturrahim adalah jalinan atau ikatan perhubungan yang dibina secara bersama sama ada antara sesama ahli keluarga, kaum kerabat, rakan dan tertangga. Rantaian hubungan ini perlu dijaga sebaiknya. Dalam Islam, terdapat beberapa ancaman terhadap mereka yang memutuskan hubungan silaturrahim. Antaranya:

Pertama: Orang yang memutuskan silaturahim tidak diterima amalannya

Imam Muslim Rahimahullah meriwayatkan hadis, daripada Abu Hurairah RA, beliau mendengar Rasulullah bersabda:

تُعْرَضُ الْأَعْمَالُ فِي كُلِّ يَوْمِ خَمِيسٍ وَاثْنَيْنِ فَيَغْفِرُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ فِي ذَلِكَ الْيَوْمِ لِكُلِّ امْرِئٍ لَا يُشْرِكُ بِاللَّهِ شَيْئًا إِلَّا امْرَأً كَانَتْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَخِيهِ شَحْنَاءُ، فَيُقَالُ : ارْكُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا، ارْكُوا هَذَيْنِ حَتَّى يَصْطَلِحَا.

Bermaksud: *“Seluruh amal diperlihatkan pada hari Khamis dan Isnin maka pada hari itu Allah SWT memberikan keampunan kepada setiap orang yang tidak menyekutukan Allah dengan sesuatu apapun kecuali seseorang yang bertengkar antara dia dan saudaranya. Maka dikatakan kepada malaikat : “Biarkanlah kedua orang ini hingga mereka berdamai, biarkanlah kedua orang ini hingga mereka berdamai.”*

Kedua: Orang yang memutuskan silaturahim disifatkan al-Quran sebagai fasiq, rugi dan sesat

Menurut kata-kata yag disandarkan kepada Sayidina Ali RA bahawa beliau menyatakan pemutus silaturrahim itu disifatkan al-Quran dengan fasiq, rugi dan sesat. Fasiq ialah orang yang berperangai buruk atau jahat, orang yang berdosa besar atau orang yang tidak mempedulikan perintah Allah. Rugi bermaksud rugi di dunia dan

akhirat. Manakala akhirnya disifatkan sebagai orang yang sesat. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 26-27: :

وَمَا يُضِلُّ بِهِۦٓ إِلَّا ٱلْفَٰسِقِينَ ﴿٢٦﴾ ٱلَّذِينَ يَنقُضُونَ عَهْدَ ٱللَّهِ مِنۢ بَعْدِ مِيثَٰقِهِۦ وَيَقْطَعُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْخَٰسِرُونَ ﴿٢٧﴾

Bermaksud: *"Tuhan tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang-orang yang fasik; iaitu orang-orang yang merombak (mencabuli) perjanjian Allah sesudah diperteguhkannya, dan memutuskan perkara yang disuruh Allah supaya diperhubungkan (silaturahim), dan mereka pula membuat kerosakan dan bencana di muka bumi. Mereka itu ialah orang-orang yang rugi."*

Ketiga: Orang yang memutuskan silaturahim tidak akan masuk Syurga

Imam Muslim Rahimahullah meriwayatkan hadis, daripada Muhammad bin Jubair bin Mut'im RAhuma, bahawa bapanya mengkhabarkan Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ قَاطِعُ رَحِمٍ

Bermaksud: *"Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim."*

Menurut Imam al-Nawawi, hadis ini memberi dua maksud: pertama, pemutus silaturrahim tanpa sebab dan dalam keadaan dia mengetahui pengharamannya maka dia tidak akan masuk syurga. Kedua, mereka ditangguhkan untuk memasuki syurga dengan siksaan dan balasan sehinggalah sampai kepada waktu yang dikehendaki Allah SWT.

Sidang Jemaah yang di rahmati Allah,

Lawan bagi sifat ego ini ialah sifat tawaduk. Sifat tawaduk atau merendahkan diri dan tidak angkuh dilihat sebagai penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan yang timbul melalui sifat ego. Ini kerana sifat tawaduk berperanan melenyapkan sikap ego, berbangga diri, sombong dan mementingkan diri sendiri. Orang yang bersifat

tawaduk akan bersikap tenang, sederhana dan sungguh-sungguh serta menjauhi perbuatan sombong. Orang yang tawaduk akan patuh dan taat menerima kebenaran dari sesiapa pun dan tidak pernah menganggap dirinya lebih tinggi dari orang lain. Orang yang tawaduk tidak pernah mendabik dada, bersifat lemah lembut dan hormat pada sesiapa pun tanpa mengira darjat, kaya atau miskin dan berpangkat atau tidak. Orang yang tawaduk hanya akan bersifat tegas dengan prinsip "tetap menerima yang hak dan menolak yang batil". Marilah bersama kita cermin dan bertanya kepada diri kita sendiri? Adakah selama ini kita tergolong dalam manusia yang bersifat ego ataupun bersifat tawaduk? Jika egolah jawapannya, inilah masanya untuk kita bertaubat.

Sesungguhnya Islam amat menganjurkan kita untuk bersifat tawaduk. Antara saranan tersebut ialah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim Rahimahullah, daripada Iyad bin Himar RA bahawa Rasulullah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَوْحَى إِلَيَّ أَنْ تَوَاضَعُوا حَتَّى لَا يَفْخَرَ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ وَلَا يَبْغِ أَحَدٌ عَلَى أَحَدٍ

Bermaksud: *“Sesungguhnya Allah telah mewahyukan kepadaku agar kamu bersifat tawaduk sehingga tiada yang bersikap bongkak terhadap orang lainnya dan tidak menganiaya orang lain.”*

Sesungguhnya Rasulullah SAW merupakan model yang terbaik untuk kita contohi dalam mempraktikkan sifat tawaduk. Cubalah kita bayang dan gambarkan..baginda adalah nabi dan rasul, ketua negara, ketua tentera, ketua keluarga dan sebagainya tetapi Baginda tetap akan memberikan salam sapaan kepada siapa sahaja yang Baginda lalui sama ada kanak-kanak atau wanita. Baginda memimpin tangan anak-anak dan membawa mereka berjalan sama. Baginda apabila makan menjilat jari membersihkan sisa-sisa makanan. Baginda melaksana kerja-kerja rumah berkhidmat kepada kaum keluarga. Baginda makan bersama khadam dan duduk bersama orang-orang miskin serta anak-anak yatim. Baginda amat mulia, lemah lembut, sentiasa bermanis muka dan sebagainya. Inilah antara contoh praktikal tawaduk Baginda

dalam bersilaturrahim dan menjaga silaturrahim. Kerana itu Baginda amat dikasihi, dicintai dan dihormati oleh siapa sahaja.

Sidang Jemaah yang di rahmati Allah,

Kesimpulan yang dapat dirumuskan daripada khutbah pada hari ini ialah:

Pertama: Islam mewajibkan kita menjaga hubungan silaturahim sama ada sesama keluarga, rakan dan tetangga serta mengharamkan kita memutuskannya.

Kedua: Sifat ego adalah kunci kepada segala sifat mazmumah. Ia adalah antara penyebab dan perosak silaturrahim. Adapun sifat tawaduk adalah penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan yang timbul.

Ketiga: Rasulullah SAW adalah contoh terbaik dalam mempraktikkan sifat tawaduk. Hasil daripada kemulian akhlak, Baginda amat dicintai dan dihormati oleh siapa sahaja sama ada keluarga, kerabat, rakan, kenalan bahkan lawan.

Firman Allah SWT di dalam surah Luqman ayat 18:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تُصَعِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا ۖ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١٨﴾

Bermaksud: *"Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."*

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ.أَقُوْلُ قَوْلِيْ هذَا وَأَسْتَغْفِرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَات، فَاسْتَغْفِرُوْهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.

خطبة كدوا

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ وَلِيِّ الصَّالِحِيْنَ، وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِيْنَ، وَلاَ عُدْوَانَ إِلاَّ عَلَى الظَّالِمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى إِمَامِ الْمُرْسَلِيْنَ، وَقُدْوَةِ النَّاسِ أَجْمَعِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلٰهَ إِلاَّ اللهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيْكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِيْنُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ، صَادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِيْنِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اِتَّقُوا اللهَ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِيْنَ، وَحَافِظُوْا عَلَى الطَّاعَةِ وَحُضُوْرِ الْجُمْعَةِ مَعَ الْمُصَلِّيْنَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ لِلّٰهِ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيْهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَّى بِمَلاَئِكَتِهِ الْمُقَرَّبِيْنَ. فَقَالَ اللهُ تَعَالَى مُخْبِرًا وَآمِرًا بِالْمُؤْمِنِيْنَ :

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِيِّۚ يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ صَلُّواْ عَلَيۡهِ وَسَلِّمُواْ تَسۡلِيمًا ﴿٥٦﴾ اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيْمَ فِي الْعَالَمِيْنَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الأَرْبَعَةِ الخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِى بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا المُطَهَّرَاتِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالمُسْلِمَاتِ وَالمُؤْمِنِينَ وَالمُؤْمِنَاتِ الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَى السَّلَاطِينِ الْكِرَامِ وَوُلَاةِ الْمُسْلِمِينَ الْعِظَامِ الَّذِيْنَ قَضَوْا بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوا يَعْدِلُونَ، وَخُصُوصًا عَلَى سري ڤدوك بكيندا يڠ دڤرتوان اكوڠ المُعْتَصِمْ بِاللهِ مُحِبُّ الدِّين توانكو الحاج عَبْدُ الحَلِيم مُعَظَّم شَاه ابن المرحوم سلطان بَدْلِي شَاه، وَعَلَى سري ڤدوك بكيندا راج ڤرمايسوري اكوڠ توانكو حاجه حَمِينَه.

اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً، يَا رَؤُوفٌ بِالْعِبَادِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِيْنَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّيْنِ.

رَبَّنَا لاَ تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللهِ،

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.